

## Kuala Lumpur

Pandangan peribadi pelakon dan usahawan, Datuk Rosyam Nor yang menyifatkan pusat pelacuran perlu ada di negara ini bagi membendung jenayah rogol memabitkan warga asing disifatkan idea luar kotak yang tidak wajar dilakukan dalam sebuah negara Islam.

Pensyarah Wacana Aqidah, Fiqh dan I'jaz al-Quran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman berkata, pandangan itu bukan saja tidak wajar daripada sudut agama malah ia juga tidak baik untuk kesihatan dan budaya.

Menurutnya, dalam Islam, pelacuran adalah satu penzinaan yang sememangnya diharamkan dan berdosa besar dan bukan saja membuka pusat pelacuran malah peluang dan 'pintu' menjurus ke arah perkara itu juga perlu dihapuskan.

"Sebab itu pusat hiburan (sedia ada dalam negara) perlu dikawal kerana ia boleh membawa kepada pelacuran dan bukan (ada pandangan) mahu menambahkan lagi pusat pelacuran (biarpun) dengan alasan untuk warga asing.

"Ia (pembukaan pusat pelacuran) tidak ada alasan untuk sesiapa kerana ia membuka kepada ruang (melakukan perkara) mungkar dan maksiat. Dalam kalangan bukan Islam juga ia bukan sesuatu yang baik sebenarnya sebab ia adalah jalan ke arah meningkatkan penyakit dan memudaratkan kesihatan," katanya.

## KENYATAAN ROSYAM NOR MENGENAI PUSAT PELACURAN

# 'Tak wajar dari sudut agama dan budaya'

Katanya, justeru pandangan berkenaan ditolak sepenuhnya dan untuk memenuhi kehendak batin individu sewajarnya ia digalakkan untuk berkahwin berbanding terbabit maksiat.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Amal Sejahtera Malaysia (Amal Sejahtera) Mohd Nor Izzat Johari berkata, beliau tidak menafikan berlaku kes rogol dalam kalangan warga asing namun negara tidak memerlukan pusat pelacuran khas untuk memenuhi kehendak batin komuniti asing.

Menurutnya, dia menyifatkan pandangan figura berkenaan sebagai 'nyanyuk' dan mungkin terpengaruh dengan sejarah zaman Perang Dunia Kedua yang disediakan pusat pelacuran kepada tentera itu ketika penjajahan termasuk di Tanah Melayu walaupun fakta itu dinafikan oleh kerajaan Jepun.

"Saya tidak nafikan bahawa ada banyak kes rogol dalam kalangan warga asing berlaku di Malaysia, tetapi tidak kritikal sehingga diwujudkan pusat pelacuran khas untuk mereka kerana setiap warga asing

di negara ini sudah mempunyai sasaran bekerja dua hingga tiga tahun saja.

"Sebarang cadangan sensitif atau memabitkan pengurusan emosi tidak seharusnya dikeluarkan sewenang-wenangnya tanpa pengalaman serta kepakaran dalam perkara itu," katanya.

Beliau berkata, mewujudkan pusat berkenaan hanya akan memberi kesan tidak sihat kepada masyarakat setempat dan turut yakin Kementerian Sumber Manusia juga sudah memikirkan semua aspek berkaitan buruh yang dibawa masuk ke negara ini.

"Biarpun memberi pandangan tidak salah, tetapi implikasi daripada cadangan berkenaan bakal

memberi kesan dan tanggapan negatif kepada masyarakat," katanya.

Semalam media melaporkan Rosyam berkata demikian menerusi podcast Hitam Putih Kehidupan yang dimuat naik ke TikTok Suhan Channel menyifatkan perlu ada 'kemudahan' warga asing lelaki yang kebanyakannya meninggalkan isteri masing-masing di negara mereka.

Rosyam dilaporkan berkata, kekangan itu akan menjurus kepada perlakuan jenayah seperti rogol dan sebagainya, bagaimanapun, Rosyam menegaskan itu hanya pandangan peribadinya dan meminta penonton untuk menilai sendiri.

“  
Mewujudkan pusat berkenaan hanya akan memberi kesan tidak sihat  
Mohd Nor Izzat